

## **Syarikat didenda RM18,000 longgok sampah tanpa kebenaran**

Oleh Raja Noraina Raja Rahim  
bhnews@bh.com.my  
KONGSI ARTIKEL  
Share

SEREMBAN: Sebuah syarikat perkhidmatan pengurusan sisa pepejal didenda RM18,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas kesalahan melonggokkan sisa pepejal komersial tanpa kebenaran, Februari lalu.

Hakim Muhammad Zaki Abdul Kudus membuat keputusan itu selepas Pengurus Operasi Sheng Chen Enterprise, Chia Poh Fatt yang mewakili syarikat terbabit mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat berkenaan didakwa melonggokkan sisa pepejal komersial tanpa kebenaran di atas empat lot tanah di Mukim Setul, di sini, jam 4.30 petang pada 4 Februari lalu.

Syarikat itu didakwa mengikut Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 71(8) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda RM10,000 hingga RM100,000 atau penjara antara enam bulan hingga lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SWCorp, Siti Adora Rahtimin dan Mohd Iqram Ismail manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Selepas mendengar hujahan pihak pendakwaan dan rayuan tertuduh, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM18,000 atau penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh membayar kos simpanan empat tong milik syarikat itu yang dirampas oleh SWCorp sebelum ini berjumlah RM11,680 dan ke semua tong berkenaan dilucut hak kepada SWCorp.

Dalam kes berasingan, pemilik kedai perabot Rahman Gafar, 57, mengaku bersalah atas pertuduhan melonggokkan sisa pepejal pembinaan tanpa kebenaran, Ogos lalu.

Kesalahan itu dilakukan di tanah simpanan jalan milik kerajaan di Jalan Indah 3/10, Taman Indah, Tampin, jam 10.30 pagi pada 26 Ogos lalu.

Bagaimanapun, Rahman merayu supaya hukuman ditangguhkan kerana kali pertama menghadiri mahkamah dan tidak berkemampuan untuk membayar denda.

Mahkamah kemudian membenarkan penangguhan itu dan menetapkan 18 Disember ini untuk jatuh hukum.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SWCorp, Mohd Saipul Rizal Zainol manakala tertuduh tidak diwakili peguam.